



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Geografi

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 4 dan 5



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

Geografi

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tingkatan 4 dan 5

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
SEPTEMBER 2018**

Terbitan 2018

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vi
Definisi Kurikulum Kebangsaan	vii
Kata Pengantar	ix
Pendahuluan	1
Matlamat	2
Objektif	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah	3
Fokus	4
Kemahiran Abad Ke-21	8
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	10
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	11
Elemen Merentas Kurikulum	13
Pentaksiran Bilik Darjah	16
Organisasi Kandungan	19
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 4	21
Kemahiran Geografi	23

Geografi Fizikal	27
Geografi Manusia	33
Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi Tingkatan 5	39
Kemahiran Geografi	41
Geografi Fizikal	43
Geografi Manusia	47
Panduan Kerja Lapangan	51
Panel Penggubal	57
Penghargaan.....	60



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997

[PU(A)531/97.]

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 akan menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah menengah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSSM menerusi pengubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Usaha memasukkan standard pentaksiran dalam dokumen kurikulum telah mengubah lanskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenal pasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek, supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pengubalan KSSM. Semoga pelaksanaan KSSM akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. MOHAMED BIN ABU BAKAR
Timbalan Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

KSSM Geografi mengandungi aspek kandungan, pedagogi dan pentaksiran yang perlu dilaksanakan secara bersepadu dan terancang dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) seperti yang dinyatakan dalam DSKP. KSSM Geografi dibina untuk melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran geografi serta nilai bagi melahirkan warganegara yang berkeyakinan, berdaya saing, berwawasan serta berkebolehan untuk menguruskan alam sekitar secara bertanggungjawab. DSKP Geografi merupakan dokumen yang wajib dirujuk oleh guru semasa melaksanakan PdP bagi mencapai hasrat tersebut.

Kandungan KSSM Geografi sekolah menengah atas terdiri daripada Kemahiran Geografi, Geografi Fizikal dan Geografi Manusia. Aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai disepadukan dalam kandungan kurikulum ini dengan memberi fokus kepada konsep ruang dan tempat, masa, skala, proses fizikal dan manusia, alam sekitar dan budaya serta saling kebergantungan. KSSM Geografi juga dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat patriotisme serta peka terhadap fenomena alam setempat dan global.

Strategi PdP dalam KSSM Geografi memberi penekanan kepada pembelajaran mendalam yang berpusatkan murid melalui pembelajaran berasaskan inkuiri seperti pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran luar bilik darjah dan pembelajaran secara koperatif. Selain itu, kerja lapangan perlu dilaksanakan bagi tujuan mengukuhkan pemahaman murid dalam ilmu Geografi. Guru perlu merancang strategi PdP dengan teliti bagi melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 seperti yang dihasratkan.

Pentaksiran dalam KSSM Geografi merupakan sebahagian daripada PdP. Pentaksiran hendaklah dilaksanakan dengan pelbagai cara. Melalui pentaksiran, tahap penguasaan dan pencapaian murid dapat dikenal pasti dan direkod untuk rujukan dan keperluan pelbagai pihak. Penilaian tahap kefahaman dan penguasaan murid dalam pembelajaran Geografi perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan objektif KSSM Geografi dapat dicapai.

MATLAMAT

KSSM Geografi bermatlamat melahirkan insan berilmu geografi yang berupaya berinteraksi dengan persekitaran secara berhemah ke arah kelestarian alam dan kesejahteraan hidup.

OBJEKTIF


KSSM Geografi bertujuan membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Mengumpul, menyusun dan menganalisis data serta menyampaikan maklumat geografi.
2. Menghubungkan kemahiran geografi dalam organisasi ruang.
3. Menjelaskan bentuk dan proses berkaitan geografi fizikal dan geografi manusia di Malaysia dan negara-negara lain.
4. Merumuskan kesan kegiatan manusia terhadap alam sekitar serta kepentingan menguruskan sumber secara bertanggungjawab dan bijaksana bagi melestarikan alam sekitar.
5. Merumuskan keadaan saling bergantung dalam sistem alam, kegiatan ekonomi, sosial dan politik antara sesebuah negara.
6. Menghubungkan pengetahuan dan kemahiran ilmu geografi dalam membuat keputusan berkaitan kehidupan harian.
7. Menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan isu berkaitan alam sekitar.
8. Mengenal pasti cara hidup dan budaya pelbagai komuniti di negara lain serta menghargai ciri-ciri persamaan dan perbezaan dengan negara Malaysia.
9. Menilai amalan sikap menghargai kualiti alam sekitar setempat dan global.
10. Menzahirkan semangat patriotisme dan menghargai ciri-ciri geografi negara Malaysia yang unik dan istimewa.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

KSSM dibina berasaskan enam tunjang iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Geografi digubal berdasarkan enam tunjang Kerangka KSSM.




Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Menengah

FOKUS

KSSM Geografi peringkat menengah atas memberi fokus kepada penguasaan ilmu tentang bentuk dan proses di dalam ruang persekitaran untuk melahirkan murid yang bersikap positif ke arah melestarikan alam sekitar. Hasrat ini dapat

dicapai dengan menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari melalui Kemahiran Geografi, Geografi Fizikal dan Geografi Manusia seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Fokus Kurikulum Geografi Menengah Atas

Kemahiran Geografi

Kemahiran Geografi memberi peluang kepada murid untuk membuat penerokaan bagi membantu mereka memahami ilmu geografi. Kemahiran Geografi dipelajari melalui tajuk arah, kedudukan, skala, jarak, luas, ketinggian, keratan rentas, pandang darat fizikal dan pandang darat budaya dalam peta topografi serta graf, carta pai dan foto. Melalui tajuk yang dipelajari ini, murid dapat menguasai kemahiran seperti membuat pemerhatian, mengukur, merekod, menyampai dan mentafsir maklumat.

Geografi Fizikal

Geografi Fizikal merupakan cabang disiplin ilmu geografi berkaitan ciri-ciri semula jadi dan fenomena di permukaan bumi seperti bentuk muka bumi, saliran, cuaca dan iklim, tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar. Geografi Fizikal membolehkan murid mempelajari ciri-ciri serta proses pembentukan permukaan dan lapisan bumi, kejadian sesuatu fenomena dan melihat sejauh mana alam sekitar fizikal bumi dipengaruhi oleh kegiatan manusia dan sebaliknya. Geografi Fizikal memberi tumpuan terhadap struktur, proses, kesan dan pengurusan yang dipelajari melalui tema Bentuk Muka Bumi dan Saliran serta tema Cuaca, Iklim, Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar.

Geografi Manusia

Geografi Manusia ialah ilmu geografi berkaitan analisis saling kaitan antara manusia, tempat dan persekitaran. Geografi Manusia memberi peluang kepada murid untuk mempelajari lokasi, taburan dan organisasi ruang. Geografi Manusia mengkaji tentang corak dan kedinamikan aktiviti manusia serta hubung kaitnya dengan alam sekitar fizikal melalui tema Penduduk dan Petempatan serta tema Sumber Tenaga dan Kegiatan Ekonomi.

KSSM Geografi peringkat menengah atas juga memberi penekanan terhadap isu dan pengurusan alam sekitar yang berlaku di negara Malaysia dan negara-negara lain. Perkara ini diterjemahkan melalui Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) mengikut konteks yang sesuai.

KSSM Geografi bukan sahaja dibina berdasarkan ilmu pengetahuan semata-mata tetapi mengambil kira penguasaan kemahiran dan penerapan nilai. KSSM Geografi memberi penekanan terhadap penguasaan kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, berfikiran kritis, kreatif dan inovatif sebagaimana elemen yang terdapat dalam Pembelajaran Abad Ke-21. Kemahiran yang diberi fokus dalam KSSM Geografi adalah seperti berikut:

Kemahiran Kerja Lapangan

Kemahiran melaksanakan kerja lapangan merupakan pendekatan PdP yang dijalankan di luar bilik darjah. Kerja lapangan memberi peluang kepada murid mengaplikasi kemahiran geografi secara bersepadu untuk lebih memahami interaksi antara manusia dengan alam sekitar. Kerja lapangan dapat memberi pengukuhan terhadap ilmu yang telah dipelajari dan difahami di dalam bilik darjah dengan keadaan dunia yang sebenar.

Setiap murid perlu melaksanakan kerja lapangan sekali dalam setiap tingkatan. Pelaksanaan kerja lapangan melibatkan proses menentukan tajuk, membuat perancangan berkaitan jadual kerja, mengumpul data, mempersembahkan data, menganalisis data dan membuat kesimpulan. Panduan Kerja Lapangan disediakan untuk membantu guru membimbing murid melaksanakan kerja lapangan (sila rujuk muka surat 51).

Kemahiran Kajian Masa Depan

Kemahiran kajian masa depan membolehkan murid menyedari tentang isu atau fenomena alam yang

berlaku pada masa lampau, masa kini dan menjangka isu atau fenomena alam pada masa hadapan. Kemahiran ini membantu murid membuat ramalan, menjangka akibat dan bersedia menyesuaikan diri serta merancang langkah pencegahan terhadap perubahan yang mungkin berlaku.

Kemahiran Sosial

Kemahiran sosial membolehkan murid berkomunikasi dan berinteraksi secara berkesan dengan orang lain dalam situasi yang boleh diterima oleh masyarakat. Kemahiran ini juga merupakan nilai tambah yang boleh meningkatkan kebolehpasaran murid di samping dapat menyumbang ke arah keberhasilan dalam semua aspek yang diceburi. Kemahiran sosial dapat diterapkan dalam mata pelajaran Geografi melalui temu bual untuk mendapatkan data dan maklumat semasa menjalankan kerja lapangan.

Kemahiran Berkomunikasi

Kemahiran berkomunikasi membolehkan murid memberi pandangan, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis. Murid boleh menyampaikan dan mempersembahkan maklumat

tentang isu atau tajuk yang dipelajari dalam mata pelajaran Geografi.

Selain itu, penerapan nilai-nilai murni serta unsur-unsur patriotisme juga diberi penekanan dalam KSSM Geografi. Nilai murni seperti amanah, bertanggungjawab, bersyukur, rasa bangga serta semangat patriotik boleh dipupuk dalam mata pelajaran Geografi mengikut kesesuaian tajuk. Pemupukan nilai-nilai murni serta unsur-unsur patriotisme ini diharap dapat melahirkan murid yang boleh melestarikan alam sekitar pada masa kini dan masa hadapan.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSM adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Abad Ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan SK dan SP dalam kurikulum Geografi menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad Ke-21 dalam kalangan murid.

Penggubalan KSSM Geografi mengambil kira penyediaan murid untuk menghadapi cabaran kehidupan abad ke-21 yang semakin mencabar dalam persekitaran kerja masa kini. KSSM Geografi memberi penekanan kepada pembentukan individu berperwatakan mulia yang mampu membuat keputusan dan tindakan dengan bertanggungjawab. Dengan memiliki Kemahiran Abad Ke-21, murid akan lebih berdaya saing dan mampu menghadapi cabaran pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan murid bersedia menghadapi cabaran ini, mereka hendaklah memiliki ciri-ciri profil seperti Jadual 1.

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis, menggunakan pelbagai media dan teknologi.
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif, mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai murid. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baharu.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka menggalas tanggungjawab bersama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh

PROFIL MURID	PENERANGAN
	setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif dan ini menjadikan mereka pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baharu. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan serta menunjukkan sifat berdikari dalam pembelajaran. Mereka menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika

PROFIL MURID	PENERANGAN
	atau undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

KBAT dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkannya dalam PdP bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap Pemikiran dalam KBAT

TAHAP PEMIKIRAN	PENERANGAN
Mengaplikasi	Menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.
Menganalisis	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.
Menilai	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi.
Mencipta	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi

bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul serta strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan di dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan kerja projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Strategi PdP yang sesuai dapat mewujudkan pembelajaran yang berkesan dan menyeronokkan. Keupayaan guru merancang dan melaksanakan pelbagai strategi PdP boleh mengoptimalkan sesi sesuatu pembelajaran. Strategi PdP yang berpusatkan murid juga dapat memberi peluang kepada murid untuk mengemukakan pendapat, memupuk sikap sentiasa mencari ilmu dan belajar sepanjang hayat. Pembelajaran berpusatkan murid yang memerlukan penglibatan aktif murid dalam mencari dan menyiasat masalah, membina hipotesis, mereka bentuk eksperimen, mengumpul data serta membuat kesimpulan untuk menyelesaikan masalah boleh dilaksanakan melalui pembelajaran berasaskan inkuiri. Manakala guru hanya berperanan sebagai pemudah cara.

Strategi PdP dalam KSSM Geografi memberi penekanan kepada pembelajaran mendalam yang berpusatkan murid melalui pembelajaran berasaskan inkuiri seperti pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran luar bilik darjah dan pembelajaran secara koperatif.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Pembelajaran berasaskan projek merupakan satu strategi PdP yang melibatkan murid menyiasat dan mengkaji sesuatu isu dan seterusnya menghasilkan sesuatu produk. Produk pembelajaran berasaskan kerja projek ialah dalam bentuk laporan, persembahan atau hasil kerja tangan. Pengalaman pembelajaran murid dalam mata pelajaran Geografi tidak terhad di dalam bilik darjah sahaja tetapi melangkaui pengalaman di lapangan. Kerja lapangan merupakan salah satu contoh strategi pembelajaran berasaskan projek yang membolehkan murid mengaplikasikan konsep-konsep geografi yang dipelajari di dalam bilik darjah kepada situasi sebenar. Melalui pelaksanaan pembelajaran berasaskan kerja projek, murid bukan sahaja dapat mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran mata pelajaran Geografi malah dapat memupuk semangat bekerjasama dan yakin serta berani untuk memberi pendapat. Pembelajaran berasaskan kerja projek juga memberi peluang kepada murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif serta berupaya memimpin rakan sebaya.

Pembelajaran Berasaskan Masalah

Pembelajaran berasaskan masalah merupakan kaedah pembelajaran berpusatkan murid yang melibatkan penggunaan akal dan fikiran yang kreatif dan kritis. Strategi pembelajaran ini dapat mendorong murid melaksanakan pembelajaran sendiri dan secara berkumpulan. Pembelajaran berasaskan masalah dapat meningkatkan pengetahuan dan pemahaman bagi sesuatu mata pelajaran dengan mudah dan mendalam. Selain itu, strategi pembelajaran ini juga dapat melahirkan murid yang berkeyakinan dalam menyelesaikan masalah dan mampu untuk membuat keputusan yang wajar. Murid digalakkan untuk belajar tentang sesuatu tajuk dalam mata pelajaran Geografi melalui penyelesaian masalah dan aktiviti boleh dijalankan sendiri atau bersama-sama rakan yang lain.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pembelajaran Luar Bilik Darjah (PLBD) merupakan aktiviti luar bilik darjah yang terancang dan berstruktur. Aktiviti ini berpusatkan murid dan bertujuan untuk menyokong dan mengukuhkan pelaksanaan kurikulum sekolah. PLBD dapat mengukuhkan kefahaman murid terhadap konsep yang dipelajari di dalam bilik darjah dan memberi pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, bermakna serta menyeronokkan. Selain itu, PLBD juga dapat memupuk

kemahiran sosial dan kerja berpasukan. Pelaksanaan aktiviti PLBD dalam mata pelajaran Geografi membolehkan murid memahami konsep geografi seperti ruang, tempat, masa, skala, proses fizikal dan manusia, kepelbagaian budaya dan alam sekitar serta saling kebergantungan. Murid juga dapat mengaplikasikan kemahiran geografi serta mengamalkan nilai-nilai murni.

Pembelajaran Secara Koperatif

Pembelajaran secara koperatif merupakan kaedah pengajaran berpusatkan murid yang memerlukan murid daripada pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai matlamat yang sama. Pembelajaran koperatif menggalakkan murid untuk berinteraksi secara aktif dan positif dalam kumpulan serta berkongsi idea. Dalam mata pelajaran Geografi, guru boleh menggalakkan murid bekerjasama melalui perbincangan, pencarian maklumat, mengolah dapatan dan mempersembahkan idea secara berkumpulan berdasarkan tugas yang diberi.

Strategi PdP yang lain seperti pembelajaran secara tematik, pembelajaran masteri, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran konstruktivisme dan sebagainya boleh juga dilaksanakan mengikut keperluan dan kesesuaian.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam SK. Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dapat membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian sains dan teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - (i) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - (ii) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);

- (iii) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
- (iv) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.
- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cinta akan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperoleh melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa di peringkat tempatan, negara dan global.
- Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk-tajuk

seperti Wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid.

PBD boleh dilaksanakan oleh guru secara formatif dan sumatif. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring dengan proses PdP, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal, semester atau tahun. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKP.

Dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.

- Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.
- Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan SP dan Standard Prestasi (SPi).
- Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan.

TAHAP PENGUASAAN UMUM

Tahap penguasaan merupakan satu bentuk pernyataan pencapaian yang menunjukkan perkembangan pembelajaran murid. Terdapat enam tahap penguasaan yang menunjukkan aras penguasaan yang disusun secara hierarki. Tahap penguasaan ini mengambil kira pengetahuan, kemahiran dan nilai yang ditetapkan dalam kurikulum. Jadual 3 menunjukkan pernyataan tahap penguasaan umum.

Jadual 3: Penyataan Tahap Penguasaan Umum

TAHAP	TAFSIRAN
1 (Tahu)	Murid tahu perkara asas atau boleh melakukan kemahiran asas atau memberi respons terhadap perkara yang asas
2 (Tahu dan faham)	Murid menunjukkan kefahaman dengan menjelaskan sesuatu perkara yang dipelajari dalam bentuk komunikasi
3 (Tahu, faham dan boleh buat)	Murid menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan sesuatu kemahiran pada suatu situasi
4 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran dengan beradab iaitu mengikut prosedur atau secara analitik dan sistematik
5 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab terpuji)	Murid menggunakan pengetahuan dan melaksanakan sesuatu kemahiran pada situasi baharu dengan mengikut prosedur atau secara sistematik serta tekal dan bersikap positif
6 (Tahu, faham dan boleh buat dengan beradab mithali)	Murid berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada untuk digunakan pada situasi baharu secara sistematik, bersikap positif, kreatif dan inovatif dalam penghasilan idea baharu serta boleh dicontohi

Guru boleh mencatat perkembangan murid di dalam buku rekod mengajar, buku latihan, buku catatan, senarai semak, jadual atau lain-lain yang sesuai. Perekodan tahap penguasaan dibuat ke dalam templat pelaporan yang disediakan setelah PdP bagi setiap bidang, tema, kemahiran atau kelompok SK dan SP selesai dilaksanakan.

TAHAP PENGUASAAN KESELURUHAN

Tahap penguasaan keseluruhan bagi mata pelajaran Geografi perlu ditentukan pada setiap akhir tahun. Tahap penguasaan keseluruhan ini merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru perlu mentaksir murid secara kolektif dan holistik dengan melihat semua aspek semasa proses pembelajaran. Guru hendaklah menggunakan pertimbangan profesional dalam semua proses pentaksiran, khususnya dalam menentukan tahap penguasaan keseluruhan. Pertimbangan profesional boleh dilakukan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman guru, interaksi guru bersama murid, serta perbincangan bersama rakan sejawat. Jadual 4 menunjukkan penyataan tahap penguasaan keseluruhan KSSM Geografi.

Jadual 4: Penyataan Tahap Penguasaan Keseluruhan
KSSM Geografi

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui perkara asas tentang pengetahuan dan kemahiran geografi yang dipelajari serta bersikap positif terhadap alam sekitar.
2	Memahami perkara asas tentang pengetahuan dan kemahiran geografi yang dipelajari serta bersikap positif terhadap alam sekitar.
3	Menggunakan pengetahuan dan kemahiran geografi yang dipelajari pada suatu situasi serta bersikap positif terhadap alam sekitar.
4	Menganalisis pengetahuan dan kemahiran geografi yang dipelajari pada suatu situasi secara sistematik serta bersikap positif terhadap alam sekitar.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5	Membuat penilaian tentang pengetahuan dan kemahiran geografi yang dipelajari pada situasi baharu mengikut prosedur, sistematik, tekal dan bersikap positif terhadap alam sekitar.
6	Menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif serta bersikap positif terhadap alam sekitar berdasarkan pengetahuan dan kemahiran geografi yang dipelajari untuk digunakan pada situasi baharu serta boleh dicontohi.

ORGANISASI KANDUNGAN

Organisasi kandungan KSSM Geografi disusun mengikut lajur SK, SP dan SPi. Penerangan bagi SK, SP dan SPi adalah seperti Jadual 5. Setiap tajuk yang terdapat dalam SK diterjemahkan melalui SP. Guru perlu merujuk semua maklumat yang terdapat dalam SK dan SP untuk mengetahui tumpuan, kedalaman dan keluasan sesuatu tema atau tajuk dalam KSSM Geografi. Guru perlu memastikan murid memahami dan menguasai setiap SP bagi menguasai SK. Manakala SPi mengandungi tahap-tahap penguasaan yang perlu dikuasai oleh murid. Selain itu, terdapat juga lajur catatan yang mengandungi cadangan aktiviti PdP. Guru boleh melaksanakan sebarang aktiviti mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai SP selain daripada aktiviti yang dicadangkan dalam lajur catatan.

Pelaksanaan bagi KSSM Geografi adalah mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 9 Tahun 2016 yang memperuntukkan masa minimum bagi pelaksanaan PdP KSSM Geografi sekolah menengah atas adalah 64 jam setahun.

Jadual 5: Tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI
<p>Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.</p>	<p>Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.</p>	<p>Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.</p>

Tajuk-tajuk dalam KSSM Geografi sekolah menengah atas disusun mengikut bahagian Kemahiran Geografi, Geografi Fizikal dan Geografi Manusia seperti berikut:

KSSM Tingkatan 4

1.0 Kemahiran Geografi

- 1.1 Arah dan Kedudukan dalam Peta Topografi
- 1.2 Skala, Jarak dan Luas dalam Peta Topografi
- 1.3 Ketinggian dan Keratan Rentas dalam Peta Topografi
- 1.4 Pandang Darat Fizikal dan Pandang Darat Budaya dalam Peta Topografi

2.0 Geografi Fizikal

- Bentuk Muka Bumi dan Saliran
- 2.1 Pergerakan Plat Tektonik
- 2.2 Pembentukan dan Kepentingan Batuan
- 2.3 Proses dan Kesan Luluhawa
- 2.4 Proses dan Kesan Gerakan Jisim
- 2.5 Pembentukan dan Kelestarian Sungai
- 2.6 Tindakan Ombak di Pinggir Pantai

3.0 Geografi Manusia

- Penduduk dan Petempatan
- 3.1 Taburan Penduduk Dunia
- 3.2 Pertumbuhan Penduduk Dunia
- 3.3 Migrasi Penduduk

3.4 Petempatan

3.5 Urbanisasi

KSSM Tingkatan 5

1.0 Kemahiran Geografi

- 1.1 Graf Bar Berganda, Graf Garisan Berganda dan Carta Pai
- 1.2 Foto

2.0 Geografi Fizikal

- Cuaca, Iklim, Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar
- 2.1 Fenomena Cuaca dan Iklim
- 2.2 Cuaca dan Iklim serta Pengaruhnya
- 2.3 Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar
- 2.4 Pemeliharaan dan Pemuliharaan Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar

3.0 Geografi Manusia

- Sumber Tenaga dan Kegiatan Ekonomi
- 3.1 Sumber Tenaga
- 3.2 Kesan Penerokaan dan Pengurusan Sumber Tenaga
- 3.3 Kegiatan Ekonomi Utama
- 3.4 Kesan Kegiatan Ekonomi Terhadap Alam Sekitar

Standard Kandungan,
Standard Pembelajaran
dan Standard Prestasi
Tingkatan 4

1.0 KEMAHIRAN GEOGRAFI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.1 Arah dan Kedudukan dalam Peta Topografi	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Kuiz tentang kedudukan dan arah. Mengukur bearing dengan menggunakan jangka sudut berdasarkan peta topografi.
	1.1.1 Mengenal pasti lapan arah mata angin utama.	1	Menyatakan arah sesuatu lokasi berdasarkan peta topografi.	
	1.1.2 Menentukan arah sesuatu lokasi dalam peta topografi.	2	Menerangkan rujukan grid 4 angka dan 6 angka berdasarkan peta topografi.	
	1.1.3 Menggunakan rujukan grid 4 angka dan 6 angka untuk menentukan kedudukan dalam peta topografi.	3	Menggunakan rujukan grid 4 angka dan 6 angka bagi menentukan sesuatu lokasi dan objek dalam peta topografi.	
	1.1.4 Mengukur bearing grid sesuatu lokasi dalam peta topografi.	4	Menganalisis arah dan kedudukan sesuatu lokasi dan objek dalam peta topografi.	
		5	Memilih arah dan kedudukan sesuatu lokasi untuk menentukan bearing grid dalam peta topografi.	
		6	Menjana idea menggunakan arah dan kedudukan dalam menyelesaikan masalah kehidupan seharian.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.2 Skala, Jarak dan Luas dalam Peta Topografi	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Mengira jarak sebenar antara bangunan dalam kawasan sekolah. Mengira luas sesuatu kawasan di sekolah.
	1.2.1 Menerangkan jenis skala dalam peta topografi.	1	Menyatakan jenis skala yang terdapat dalam peta topografi.	
	1.2.2 Membezakan skala nyata, skala lurus dan pecahan wakilan.	2	Menjelaskan jenis skala yang terdapat dalam peta topografi.	
	1.2.3 Menunjuk cara mengukur jarak berdasarkan skala dalam peta topografi.	3	Menggunakan skala dalam peta topografi untuk menentukan jarak atau keluasan.	
	1.2.4 Menunjuk cara mengira keluasan berdasarkan skala dalam peta topografi.	4	Menganalisis jarak antara dua lokasi berdasarkan skala dalam peta topografi.	
		5	Mentaksir keluasan sesuatu kawasan berdasarkan skala dalam peta topografi.	
		6	Merumuskan jarak sebenar antara dua tempat dan keluasan sebenar sesuatu kawasan dalam peta topografi.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.3 Ketinggian dan Keratan Rentas dalam Peta Topografi	Murid boleh: 1.3.1 Mengenal pasti ketinggian berdasarkan simbol dalam peta topografi. 1.3.2 Melukis keratan rentas berdasarkan garisan kontur. 1.3.3 Membezakan bentuk muka bumi berdasarkan keratan rentas.	1	Menyatakan simbol ketinggian dalam peta topografi.	Cadangan Aktiviti • Melukis keratan rentas berdasarkan peta topografi. • Menghasilkan model bentuk muka bumi berdasarkan keratan rentas.
		2	Menjelaskan ketinggian sesuatu lokasi berdasarkan simbol ketinggian dalam peta topografi.	
		3	Menggunakan simbol dan garisan kontur untuk mengenal pasti ketinggian dalam peta topografi.	
		4	Memaparkan keratan rentas yang dilukis berdasarkan garisan kontur dalam peta topografi.	
		5	Membuat justifikasi bentuk muka bumi yang terdapat dalam peta topografi berdasarkan keratan rentas.	
		6	Merumuskan bentuk muka bumi yang terdapat dalam peta topografi berdasarkan ketinggian dan keratan rentas.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.4 Pandang Darat Fizikal dan Pandang Darat Budaya dalam Peta Topografi	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan buku skrap tentang pandang darat fizikal dan pandang darat budaya di sesuatu kawasan. Forum tentang potensi pembangunan berdasarkan ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya.
	1.4.1 Mengenal pasti ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya.	1	Menyatakan ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya.	
	1.4.2 Menghuraikan ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya berdasarkan simbol dalam peta topografi.	2	Memberi contoh ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya berdasarkan simbol dalam peta topografi.	
		3	Menghubung kait ciri pandang darat fizikal dengan ciri pandang darat budaya dalam peta topografi.	
	1.4.3 Menganalisis hubung kait ciri pandang darat fizikal dengan ciri pandang darat budaya dalam peta topografi.	4	Menjelaskan melalui contoh hubung kait antara ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya dalam peta topografi.	
		5	Membahaskan ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya dalam peta topografi.	
		6	Merumuskan pandang darat fizikal dan pandang darat budaya dalam peta topografi.	

2.0 GEOGRAFI FIZIKAL: BENTUK MUKA BUMI DAN SALIRAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.1 Pergerakan Plat Tektonik	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Membina model struktur bumi atau gunung berapi. Menghasilkan persembahan multi media tentang letusan gunung berapi atau gempa bumi atau tsunami.
	2.1.1 Menjelaskan kerak bumi, mantel dan teras bumi dalam struktur bumi.	1	Menamakan struktur bumi.	
	2.1.2 Menerangkan sempadan plat tektonik dunia.	2	Memberi contoh sempadan plat tektonik.	
	2.1.3 Menghuraikan kesan pergerakan plat tektonik.			
	2.1.4 Menganalisis kesan tsunami, gempa bumi dan letusan gunung berapi terhadap manusia dan alam sekitar.	3	Menjelaskan dengan contoh bentuk muka bumi dan lokasi hasil pergerakan plat tektonik.	
	2.1.5 Menghuraikan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi mengurangkan risiko bencana tsunami, gempa bumi dan letusan gunung berapi.	4	Menilai kesan tsunami, gempa bumi atau letusan gunung berapi terhadap manusia dan alam sekitar.	
		5	Membahaskan langkah-langkah bagi mengurangkan risiko bencana akibat pergerakan plat tektonik.	
6		Menjana idea bagi mengurangkan risiko bencana akibat pergerakan plat tektonik terhadap manusia dan alam sekitar.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.2 Pembentukan dan Kepentingan Batuan	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan pameran tentang batuan. • Membuat uji kaji ketahanan batuan. • Menghasilkan buku skrap tentang batuan. • Lawatan ke Muzium Geologi.
	2.2.1 Mengenal pasti batuan igneus, batuan enapan dan batuan metamorfosis.	1	Menyatakan jenis batuan.	
	2.2.2 Menjelaskan pembentukan batuan igneus, batuan enapan dan batuan metamorfosis.	2	Memberi contoh batuan mengikut jenis.	
	2.2.3 Menerangkan taburan batuan igneus, batuan enapan dan batuan metamorfosis di Malaysia.	3	Menghubung kait jenis dan taburan batuan di Malaysia.	
	2.2.4 Membuat justifikasi kepentingan batuan igneus, batuan enapan dan batuan metamorfosis.	4	Membezakan pembentukan batuan.	
		5	Membahaskan kepentingan batuan kepada manusia.	
	6	Mencadangkan idea kepelbagaian penggunaan batuan pada masa hadapan.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.3 Proses dan Kesan Luluhawa	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Lawatan ke gua batu kapur. • Menghasilkan buku skrap tentang proses dan kesan luluhawa.
	2.3.1 Menjelaskan konsep dan jenis luluhawa.	1	Menyatakan jenis luluhawa.	
	2.3.2 Menghuraikan faktor yang mempengaruhi luluhawa.	2	Menjelaskan faktor yang mempengaruhi luluhawa.	
	2.3.3 Menghuraikan proses luluhawa fizikal, luluhawa kimia dan luluhawa biologi.	3	Menghubung kait jenis dan faktor yang mempengaruhi luluhawa.	
	2.3.4 Menjelaskan melalui contoh kesan luluhawa terhadap pandang darat di kawasan Gurun Panas dan kawasan Tropika Lembap.	4	Membezakan proses luluhawa di kawasan Gurun Panas atau kawasan Tropika Lembap.	
		5	Menilai kesan luluhawa terhadap pandang darat di kawasan Gurun Panas atau kawasan Tropika Lembap.	
		6	Merumuskan proses dan kesan luluhawa di kawasan Gurun Panas dan kawasan Tropika Lembap.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.4 Proses dan Kesan Gerakan Jisim	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Membincangkan gerakan jisim berdasarkan pelbagai media seperti video, foto atau laman sesawang berkaitan. Menghasilkan buku skrap tentang kejadian tanah runtuh.
	2.4.1 Menjelaskan konsep dan jenis gerakan jisim.	1	Menyatakan jenis gerakan jisim.	
	2.4.2 Menghuraikan faktor yang mempengaruhi gerakan jisim.	2	Menerangkan jenis gerakan jisim.	
	2.4.3 Menghuraikan proses kesotan tanah, aliran lumpur dan tanah runtuh.	3	Menjelaskan dengan contoh faktor yang mempengaruhi gerakan jisim.	
	2.4.4 Menjelaskan melalui contoh kesan aliran lumpur dan tanah runtuh yang berlaku di kawasan Asia Tenggara.	4	Membezakan proses kesotan tanah, aliran lumpur dan tanah runtuh.	
	2.4.5 Membahaskan langkah-langkah bagi mengurangkan risiko berlakunya gerakan jisim.	5	Menilai kesan gerakan jisim.	
		6	Mencadangkan idea untuk mengurangkan risiko berlakunya gerakan jisim di sesuatu kawasan.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.5 Pembentukan dan Kelestarian Sungai	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Menonton tayangan video tentang pemuliharaan sungai. • Membina model keratan rentas sungai. • Melukis poster kempen cintai sungai.
	2.5.1 Menjelaskan pembentukan sungai.	1	Menyatakan punca pembentukan sungai.	
	2.5.2 Menghuraikan tindakan air sungai melalui hakisan, pengangkutan dan pendedapan.	2	Menerangkan hakisan, pengangkutan dan pendedapan sungai.	
	2.5.3 Membezakan bentuk muka bumi akibat tindakan air sungai di peringkat hulu, tengah dan hilir.	3	Menjelaskan dengan contoh bentuk muka bumi akibat tindakan air sungai di peringkat hulu, tengah dan hilir.	
	2.5.4 Menghuraikan punca kemerosotan kualiti air sungai.	4	Membezakan jenis bentuk muka bumi akibat tindakan air sungai.	
	2.5.5 Menjelaskan melalui contoh usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk melestarikan sungai.	5	Membuat justifikasi punca kemerosotan kualiti air sungai.	
		6	Menjana idea untuk melestarikan sungai.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.6 Tindakan Ombak di Pinggir Pantai	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Lawatan ke kawasan pinggir pantai untuk melihat bentuk muka bumi kesan tindakan ombak. • Membina model bentuk muka bumi pinggir pantai. • Menonton tayangan video tentang kesan tindakan ombak di pinggir pantai.
	2.6.1 Mengenal pasti ombak pembina dan ombak pembinasa.	1	Menyatakan jenis ombak.	
	2.6.2 Menghuraikan tindakan ombak melalui hakisan, pengangkutan dan pemendapan.	2	Menjelaskan hakisan, pengangkutan dan pemendapan ombak.	
	2.6.3 Membezakan bentuk muka bumi akibat tindakan ombak di pinggir pantai.	3	Menjelaskan dengan contoh bentuk muka bumi akibat tindakan ombak di pinggir pantai.	
	2.6.4 Menghuraikan kesan kegiatan manusia di kawasan pinggir pantai.	4	Membezakan bentuk muka bumi akibat tindakan ombak.	
	2.6.5 Menjelaskan melalui contoh usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk memelihara dan memulihara kawasan di pinggir pantai.	5	Menilai kesan penerokaan pinggir pantai terhadap alam sekitar.	
		6	Menjana idea untuk melestarikan kawasan pinggir pantai.	

3.0 GEOGRAFI MANUSIA: PENDUDUK DAN PETEMPATAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.1 Taburan Penduduk Dunia	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Membuat persembahan multi media tentang faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk. Perbahasan tentang kesan taburan penduduk padat di sesuatu kawasan.
	3.1.1 Menjelaskan konsep taburan penduduk.	1	Menyatakan taburan penduduk.	
	3.1.2 Mengenal pasti taburan penduduk padat, sederhana dan jarang di dunia.	2	Menerangkan taburan penduduk.	
	3.1.3 Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di dunia.	3	Menjelaskan dengan contoh kawasan penduduk padat, sederhana dan jarang di dunia.	
	3.1.4 Menghuraikan kesan taburan penduduk padat dan jarang di dunia.	4	Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di dunia.	
		5	Menilai faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk padat dan jarang di dunia.	
	6	Merumuskan kesan taburan penduduk padat dan jarang di dunia.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.2 Pertumbuhan Penduduk Dunia	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Kuiz pengiraan pertumbuhan penduduk. • Forum tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan penduduk. • Menonton tayangan video tentang penduduk dunia.
	3.2.1 Menjelaskan konsep pertumbuhan penduduk.	1	Menyatakan pertumbuhan penduduk.	
	3.2.2 Menentukan kadar pertumbuhan penduduk.	2	Menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kadar pertumbuhan penduduk.	
	3.2.3 Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan penduduk.	3	Mengira kadar pertumbuhan penduduk.	
	3.2.4 Mentafsir struktur dan komposisi penduduk berdasarkan piramid penduduk.	4	Menghuraikan struktur dan komposisi penduduk berdasarkan piramid penduduk.	
	3.2.5 Merumuskan kesan struktur dan komposisi penduduk kepada pembangunan negara.	5	Membuat justifikasi kesan struktur dan komposisi penduduk terhadap pembangunan negara berdasarkan bentuk piramid penduduk.	
		6	Merancang pembangunan negara berdasarkan bentuk piramid penduduk.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.3 Migrasi Penduduk	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Perbahasan tentang kesan migrasi terhadap sesebuah negara. • Forum tentang faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi penduduk.
	3.3.1 Menjelaskan konsep migrasi penduduk.	1	Menyatakan migrasi penduduk.	
	3.3.2 Membezakan migrasi dalaman dengan migrasi antarabangsa.	2	Menerangkan migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa.	
	3.3.3 Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa.	3	Menjelaskan dengan contoh migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa.	
	3.3.4 Menilai kesan migrasi terhadap sesebuah negara.	4	Membandingkan faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa.	
	3.3.5 Membahaskan langkah-langkah untuk mengurangkan kesan migrasi di sesebuah negara.	5	Membuat justifikasi kesan migrasi terhadap sesebuah negara.	
		6	Mencadangkan idea untuk mengawal kesan migrasi di sesebuah negara.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.4 Petempatan	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Membina model pola petempatan lestari pada masa hadapan. Menghasilkan buku skrap tentang petempatan bandar dan petempatan luar bandar. Persembahan multi media petempatan bandar atau petempatan luar bandar.
	3.4.1 Menjelaskan jenis petempatan.	1	Menyatakan jenis petempatan.	
	3.4.2 Menghuraikan hierarki petempatan.	2	Menerangkan hierarki petempatan.	
	3.4.3 Menjelaskan dengan contoh pola petempatan.	3	Menjelaskan dengan contoh faktor-faktor yang mempengaruhi pola petempatan.	
	3.4.4 Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pola petempatan.	4	Membanding fungsi petempatan bandar dan petempatan luar bandar.	
	3.4.5 Menjelaskan melalui contoh fungsi petempatan bandar dan petempatan luar bandar.	5	Membuat justifikasi saling bergantung antara petempatan bandar dan petempatan luar bandar.	
	3.4.6 Membahaskan saling bergantung antara petempatan bandar dan petempatan luar bandar.	6	Merumuskan saling bergantung antara petempatan bandar dan petempatan luar bandar di sesuatu kawasan.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.5 Urbanisasi	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Menonton tayangan video tentang proses dan kesan urbanisasi. • Menghasilkan peta pemikiran atau multi media tentang langkah-langkah mengurangkan masalah urbanisasi.
	3.5.1 Menjelaskan konsep dan proses urbanisasi.	1	Menyatakan urbanisasi.	
	3.5.2 Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi proses urbanisasi.	2	Menerangkan proses urbanisasi.	
	3.5.3 Membahaskan kesan urbanisasi.	3	Menjelaskan dengan contoh faktor-faktor yang mempengaruhi urbanisasi.	
	3.5.4 Mencadangkan langkah-langkah mengurangkan masalah urbanisasi.	4	Menghuraikan kesan urbanisasi.	
		5	Menilai kesan urbanisasi di sesuatu kawasan.	
	6	Mencadangkan idea bagi mengurangkan masalah urbanisasi di sesuatu kawasan.		

Standard Kandungan,
Standard Pembelajaran
dan Standard Prestasi
Tingkatan 5

1.0 KEMAHIRAN GEOGRAFI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.1 Graf Bar Berganda, Graf Garisan Berganda dan Carta Pai	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Membina graf bar berganda, graf garisan berganda dan carta pai menggunakan TMK. Membina graf bar berganda, graf garisan berganda dan carta pai berdasarkan maklumat daripada pelbagai agensi seperti Jabatan Perangkaan Malaysia.
	1.1.1 Mengenal pasti graf bar berganda, graf garisan berganda dan carta pai.	1	Menyatakan graf bar berganda, graf garisan berganda dan carta pai.	
	1.1.2 Menghuraikan kegunaan graf bar berganda, graf garisan berganda dan carta pai.	2	Menjelaskan kegunaan graf bar berganda, graf garisan berganda dan carta pai.	
	1.1.3 Menghasilkan graf bar berganda, graf garisan berganda dan carta pai.	3	Membina graf bar berganda, graf garisan berganda dan carta pai.	
	1.1.4 Menganalisis graf bar berganda, graf garisan berganda dan carta pai.	4	Mentafsir graf bar berganda, graf garisan berganda dan carta pai.	
		5	Membuat justifikasi pemilihan graf bar berganda, graf garisan berganda dan carta pai yang sesuai untuk dibina berdasarkan maklumat yang diberi.	
	6	Merumuskan graf bar berganda, graf garisan berganda dan carta pai yang dibina.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.2 Foto	Murid boleh: 1.2.1 Mengenal pasti foto aras bumi, foto udara dan foto satelit. 1.2.2 Menghuraikan kepentingan foto. 1.2.3 Menganalisis maklumat pandang darat fizikal dan pandang darat budaya yang terdapat dalam foto.	1	Menyatakan foto aras bumi, foto udara dan foto satelit.	Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Merakam foto kawasan kajian semasa PLBD. • Pertandingan foto berkaitan pandang darat fizikal dan pandang darat budaya. • Mencetak foto satelit untuk mentafsir maklumat pandang darat fizikal dan pandang darat budaya.
		2	Menjelaskan kepentingan foto.	
		3	Menggunakan foto untuk menyampaikan maklumat.	
		4	Mentafsir maklumat pandang darat fizikal dan pandang darat budaya yang terdapat dalam foto.	
		5	Membuat justifikasi maklumat pandang darat fizikal dan pandang darat budaya yang terdapat dalam foto.	
		6	Merumuskan maklumat pandang darat fizikal dan pandang darat budaya yang terdapat dalam foto.	

2.0 GEOGRAFI FIZIKAL: CUACA, IKLIM, TUMBUH-TUMBUHAN SEMULA JADI DAN HIDUPAN LIAR

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.1 Fenomena Cuaca dan Iklim	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Projek merekod suhu dan hujan. Menghasilkan pelan tindakan menghadapi fenomena cuaca dan iklim.
	2.1.1 Menerangkan konsep cuaca dan iklim.	1	Menyatakan unsur cuaca dan iklim.	
	2.1.2 Menjelaskan unsur cuaca dan iklim.	2	Menerangkan unsur cuaca dan iklim.	
	2.1.3 Menjelaskan melalui contoh fenomena cuaca dan iklim di dunia.			
	2.1.4 Menghuraikan persediaan menghadapi fenomena cuaca dan iklim.	3	Menghubung kait unsur cuaca dan iklim dengan fenomena cuaca dan iklim.	
		4	Menghuraikan fenomena cuaca dan iklim di sesuatu kawasan.	
		5	Menilai fenomena cuaca dan iklim di sesuatu kawasan.	
	6	Merancang persediaan menghadapi bencana akibat fenomena cuaca dan iklim di sesuatu kawasan.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.2 Cuaca dan Iklim serta Pengaruhnya	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Membuat persembahan multi media tentang pengaruh kegiatan manusia terhadap cuaca dan iklim. Kuiz tentang pengaruh iklim terhadap kegiatan manusia.
	2.2.1 Menjelaskan zon iklim dunia.	1	Menyatakan zon iklim dunia.	
	2.2.2 Membandingkan ciri iklim Khatulistiwa dengan ciri iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat.	2	Menerangkan ciri iklim Khatulistiwa atau ciri iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat.	
	2.2.3 Menjelaskan melalui contoh pengaruh cuaca dan iklim terhadap kegiatan manusia di kawasan iklim Khatulistiwa dan iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat.	3	Menghubung kait pengaruh cuaca dan iklim terhadap kegiatan manusia.	
	2.2.4 Menjelaskan melalui contoh pengaruh kegiatan manusia terhadap cuaca dan iklim.	4	Membandingkan pengaruh cuaca dan iklim terhadap kegiatan manusia di kawasan iklim Khatulistiwa dan iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat.	
		5	Membahaskan pengaruh kegiatan manusia terhadap cuaca dan iklim.	
		6	Mencadangkan kegiatan manusia yang boleh mengurangkan kesan terhadap cuaca dan iklim.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.3 Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan buku skrap tentang tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar. Mengadakan pameran tentang kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.
	2.3.1 Mengenal pasti jenis dan taburan tumbuh-tumbuhan semula jadi di dunia.	1	Menyatakan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di dunia.	
	2.3.2 Menerangkan jenis hidupan liar di zon iklim panas dan zon iklim sejuk.	2	Menjelaskan jenis hidupan liar di zon iklim panas dan zon iklim sejuk.	
	2.3.3 Menghuraikan ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi di Hutan Hujan Tropika dan Hutan Monsun Tropika.	3	Menghubung kait jenis dan taburan tumbuh-tumbuhan semula jadi di dunia.	
	2.3.4 Merumuskan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar terhadap keseimbangan ekosistem.	4	Membezakan ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi di Hutan Hujan Tropika dan Hutan Monsun Tropika.	
		5	Membahaskan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar terhadap keseimbangan ekosistem.	
	6	Menjana idea mengekalkan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar untuk keseimbangan ekosistem pada masa hadapan		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.4 Pemeliharaan dan Pemuliharaan Tumbuh-Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Ceramah oleh pihak PERHILITAN, FRIM, jabatan hutan dan zoo. • Melaksanakan kajian kes tentang usaha pemeliharaan dan pemuliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di negara lain. • Lawatan ke pusat konservasi.
	2.4.1 Menerangkan konsep pemeliharaan dan pemuliharaan.	1	Menyatakan kegiatan manusia yang menyebabkan kepupusan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.	
	2.4.2 Menghuraikan kegiatan manusia yang menyebabkan kepupusan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.	2	Menerangkan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.	
	2.4.3 Menghuraikan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.	3	Menghubung kait kegiatan manusia dengan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.	
	2.4.4 Menjelaskan melalui contoh usaha pemeliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di dunia.	4	Membanding beza usaha pemeliharaan dan pemuliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di dunia.	
	2.4.5 Menjelaskan melalui contoh usaha pemuliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di dunia.	5	Membahaskan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di dunia.	
		6	Mencadangkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan tumbuhan semula jadi dan hidupan liar pada masa hadapan.	

3.0 GEOGRAFI MANUSIA: SUMBER TENAGA DAN KEGIATAN EKONOMI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.1 Sumber Tenaga	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Menghasilkan model jana kuasa sumber tenaga. • Menghasilkan buku skrap tentang sumber tenaga. • Melaksanakan kajian kes tentang sumber tenaga boleh baharu di sesebuah negara.
	3.1.1 Menerangkan sumber tenaga tidak boleh baharu dan sumber tenaga boleh baharu.	1	Menyatakan contoh sumber tenaga.	
	3.1.2 Menjelaskan melalui contoh sumber tenaga tidak boleh baharu dan sumber tenaga boleh baharu di dunia.	2	Menjelaskan sumber tenaga tidak boleh baharu dan sumber tenaga boleh baharu.	
	3.1.3 Menghuraikan kepentingan sumber tenaga.	3	Menghubung kait sumber tenaga tidak boleh baharu dan sumber tenaga boleh baharu dengan kepentingannya.	
		4	Menghuraikan dengan contoh sumber tenaga boleh baharu dan sumber tenaga tidak boleh baharu di dunia.	
		5	Membahaskan kepentingan sumber tenaga boleh baharu atau sumber tenaga tidak boleh baharu di sesebuah negara.	
	6	Mencadangkan sumber tenaga boleh baharu pada masa hadapan.		

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.2 Kesan Penerokaan dan Pengurusan Sumber Tenaga	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Pidato tentang kesan penerokaan sumber tenaga. • Melaksanakan kajian kes tentang pengurusan sumber tenaga di dunia.
	3.2.1 Menghuraikan kesan penerokaan sumber tenaga terhadap alam sekitar.	1	Menyatakan kesan penerokaan sumber tenaga terhadap alam sekitar di dunia.	
	3.2.2 Menghuraikan kepentingan pengurusan sumber tenaga terhadap alam sekitar.	2	Menerangkan kesan penerokaan sumber tenaga terhadap alam sekitar di dunia.	
	3.2.3 Membahaskan usaha pengurusan sumber tenaga di dunia.	3	Menghubung kait kesan penerokaan dan usaha pengurusan sumber tenaga.	
		4	Menjelaskan melalui contoh kepentingan pengurusan sumber tenaga terhadap alam sekitar di dunia.	
		5	Menilai usaha pengurusan sumber tenaga di dunia.	
		6	Mencadangkan idea pengurusan sumber tenaga di dunia.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.3 Kegiatan Ekonomi Utama	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan peta kawasan kegiatan ekonomi utama di dunia. Lawatan ke kawasan kegiatan ekonomi utama. Menghasilkan buku skrap tentang kepentingan kerjasama ekonomi antarabangsa.
	3.3.1 Menjelaskan jenis kegiatan ekonomi utama.	1	Menyatakan jenis kegiatan ekonomi utama.	
	3.3.2 Menghuraikan faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi.	2	Menerangkan jenis kegiatan ekonomi utama.	
	3.3.3 Menjelaskan melalui contoh kegiatan ekonomi utama di dunia.	3	Menghubung kait kegiatan ekonomi dengan faktor yang mempengaruhinya.	
	3.3.4 Menghuraikan kepentingan kegiatan ekonomi utama di dunia.	4	Membezakan kepentingan kegiatan ekonomi di dunia.	
	3.3.5 Membahaskan kepentingan kerjasama ekonomi antarabangsa.	5	Menilai kepentingan kerjasama ekonomi antarabangsa.	
		6	Mencadangkan kegiatan ekonomi yang berpotensi di kawasan setempat.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.4 Kesan Kegiatan Ekonomi Terhadap Alam Sekitar	Murid boleh:			Cadangan Aktiviti <ul style="list-style-type: none"> • Menonton tayangan video tentang kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar. • Membuat persembahan multi media tentang kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar. • Forum tentang usaha mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.
	3.4.1 Mengenal pasti kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.	1	Menyatakan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.	
	3.4.2 Menghuraikan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.	2	Menerangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.	
	3.4.3 Membahaskan usaha mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.	3	Menghubung kait kegiatan ekonomi dengan kesannya terhadap alam sekitar.	
		4	Menghuraikan usaha mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.	
		5	Menilai usaha mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.	
		6	Mencadangkan idea untuk mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.	

**PANDUAN
KERJA
LAPANGAN**

PENDAHULUAN

Kerja lapangan merupakan salah satu komponen yang penting dalam KSSM Geografi. Kerja lapangan dapat membantu murid memahami dengan lebih jelas ilmu geografi yang telah dipelajari di bilik darjah. Melalui pelaksanaan kerja lapangan, murid berpeluang meneroka pelbagai isu, mengumpul dan menganalisis maklumat, melakukan tinjauan terhadap pandangan responden dan membuat pertimbangan untuk menyelesaikan sesuatu isu atau masalah. Kerja lapangan juga membolehkan murid menimba pengalaman pembelajaran bekerja dalam satu pasukan, bertolak ansur, hormat-menghormati, mengawal emosi, membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan bersikap sabar dalam menghadapi cabaran.

Pelaksanaan kerja lapangan adalah berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang telah dipelajari dalam Kemahiran Geografi, Geografi Fizikal dan Geografi Manusia. Kemahiran seperti membuat pemerhatian, mengukur, merekod, mempersembah dan menganalisis data diaplikasikan semasa melaksanakan kerja lapangan.

Kerja lapangan perlu dilaksanakan oleh murid sekali di setiap tingkatan. Panduan Kerja Lapangan yang disediakan ini diharap dapat membantu guru untuk merancang pelaksanaan kerja lapangan dengan lebih mudah, teratur dan sistematik.


OBJEKTIF

Kerja lapangan dalam KSSM Geografi dilaksanakan bagi membolehkan murid:

- (i) Memberi pendapat atau idea secara kritis dan kreatif.
- (ii) Menghuraikan saling kaitan antara manusia dengan alam sekitar di lapangan.
- (iii) Mengenal pasti masalah atau isu yang berkaitan di lapangan.
- (iv) Mencadangkan langkah-langkah untuk mengurangkan masalah atau isu yang berkaitan.
- (v) Mengaplikasi kemahiran geografi yang telah dipelajari.
- (vi) Merumus data dan maklumat berbentuk kualitatif dan kuantitatif di kawasan kajian.
- (vii) Menjalankan tugas mengikut prosedur.
- (viii) Bersyukur dan berbangga menjadi rakyat Malaysia.

PROSES MELAKSANAKAN KERJA LAPANGAN

Kerja lapangan boleh dilaksanakan mengikut proses seperti Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Proses Kerja Lapangan

Penentuan Tajuk

Murid memilih tajuk yang sesuai untuk melaksanakan kerja lapangan dengan bimbingan guru. Tajuk hendaklah berkaitan dengan kandungan KSSM Geografi yang dipelajari. Tajuk yang dipilih perlu jelas dan boleh menimbulkan perasaan ingin tahu murid untuk meneroka sesuatu maklumat.

Perancangan

Murid menyediakan jadual kerja yang mempunyai perkara yang perlu dibuat sepanjang tempoh pelaksanaan kerja lapangan seperti objektif kajian, pemilihan lokasi, tempoh masa, kaedah dan pemilihan sampel kajian. Pemilihan lokasi kajian hendaklah di luar bilik darjah. Murid memilih kaedah kajian yang sesuai sama ada menggunakan kaedah kuantitatif atau kualitatif. Data kuantitatif ialah dalam bentuk soal selidik manakala data kualitatif pula dalam bentuk temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.

Selain itu, aspek keselamatan perlu dititikberatkan sepanjang melaksanakan kerja lapangan. Sekiranya kerja lapangan melibatkan premis atau kawasan persendirian, murid perlu

mendapatkan kebenaran dan mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh pihak yang berkenaan.

Pengumpulan Data

Murid mengumpul data primer atau sekunder secara individu atau berkumpulan. Pengumpulan data primer dilakukan secara pemerhatian, temu bual, soal selidik, rakaman video, foto, lakaran, ukuran, kiraan dan sebagainya. Manakala data sekunder diperoleh melalui data yang diterbitkan oleh orang lain seperti sumber daripada internet dan buku.

Persembahan Data

Murid mempersembahkan data yang telah dikumpul dari lapangan dalam bentuk jadual, rajah dan graf yang sesuai.

Penganalisan Data

Data kuantitatif yang dikumpulkan melalui soal selidik dianalisis untuk mendapatkan jumlah, purata, peratus dan sebagainya. Manakala data kualitatif yang dikumpul melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen dianalisis berdasarkan keperluan kerja lapangan.

Kesimpulan

Murid membuat rumusan kajian berdasarkan data atau maklumat yang diperolehi.

LAPORAN KERJA LAPANGAN

Murid boleh menghasilkan laporan kerja lapangan dalam pelbagai bentuk sama ada dalam bentuk folio, buku skrap atau persembahan multi media dan lain-lain. Laporan kerja lapangan perlu dipersembahkan oleh murid.

Pelaporan kerja lapangan mesti mengandungi perkara seperti berikut:

- (i) Tajuk
- (ii) Objektif kajian
- (iii) Kawasan kajian
- (iv) Kaedah kajian
- (v) Persembahan data dan maklumat
- (vi) Kesimpulan

PENILAIAN KERJA LAPANGAN

Bagi menentukan tahap penguasaan murid, guru dikehendaki menggunakan pertimbangan profesional dengan merujuk kepada tafsiran dalam Jadual 1. Guru perlu memastikan semua murid melaksanakan kerja lapangan dengan mematuhi proses kerja yang terdapat dalam Rajah 1 untuk mengelakkan unsur plagiat.

Jadual 1: Tahap Penguasaan Kerja Lapangan

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Tajuk dan objektif kurang tepat, proses kerja tidak lengkap dan tidak boleh menyampaikan idea.
2	Tajuk dan objektif tepat, proses kerja kurang lengkap dan idea yang disampaikan terhad.
3	Tajuk dan objektif tepat, proses kerja lengkap dan idea yang disampaikan terhad.
4	Tajuk dan objektif tepat, proses kerja yang lengkap dan menunjukkan kematangan idea.
5	Tajuk dan objektif tepat, proses kerja yang lengkap serta tersusun, menunjukkan kematangan idea dan boleh membuat rumusan.
6	Tajuk dan objektif tepat, proses kerja yang lengkap serta tersusun, menunjukkan kematangan idea, boleh membuat rumusan, menghasilkan idea dan membuat persembahan yang kreatif serta inovatif.

PANEL PENGGUBAL

1. Dr. Kashry bin Ab. Rani Bahagian Pembangunan Kurikulum
2. Mhd Shafiee bin Abd. Ghani Bahagian Pembangunan Kurikulum
3. Norhaziruddin bin Ibrahim Bahagian Pembangunan Kurikulum
4. Norlei binti Ismail Bahagian Pembangunan Kurikulum
5. Prof. Madya Dr. Kadaruddin bin Aiyub Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
6. Prof. Madya Dr. Aziz bin Shafie Universiti Malaya, Lembah Pantai, Kuala Lumpur
7. Prof. Madya Dr. Mazdi bin Marzuki Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak
8. Dr. Mohmadisa bin Hashim Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak
9. Prof. Madya Dr. Mohammad Zohir bin Ahmad@Shaari Universiti Sains Malaysia, Gelugor, Pulau Pinang
10. Wan Khairoslina binti Wan Mohd Khairi SMK Bandar Tasik Kesuma, Beranang, Selangor
11. Nor Maimy binti Che Mat SMK Bukit Changgang, Banting, Selangor
12. Mahani binti Abu Seman SMK Cyberjaya, Cyberjaya, Selangor
13. Maziah binti Mamat SMK Dengkil, Dengkil, Selangor

14. Razli bin Raais SMK Permata Jaya, Batu Pahat, Johor
15. Dr. Thanapackiam a/p Periasamy SMK Seri Pantai, Bangsar, Kuala Lumpur

TURUT MENYUMBANG

1. Muhamad Zuraidi bin Abd Jalal Bahagian Buku Teks
2. Rohesan bin Mohamad Lembaga Peperiksaan
3. Hapizam bin Abdul Latip Pejabat Pendidikan Daerah Bera, Bandar Bera, Pahang
4. Sabariah binti Mat Hussin SMK Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor
5. Hjh. Siti Rugayah binti Selamat SMK Batu Laut, Tanjong Sepat, Selangor
6. Hj. Abdul Rahman bin Suratmin SMK Dato' Harun, Tanjong Karang, Selangor
7. Hj. Mohd Suhaimi bin Mamat SMK Desa Jaya, Bandar Jengka, Pahang
8. Roshidah binti Tahir SMK Jalan Reko, Kajang, Selangor
9. Azis bin Salleh SMK Jengka 10, Bandar Tun Abdul Razak, Pahang
10. Hj. Mohd Khamsuldin bin Abdul Wahab SMK Penghulu Saat, Parit Sulong, Johor

- | | |
|----------------------------|--|
| 11. Jalina binti Sabri | SMK Putrajaya Presint 9(2), Putrajaya |
| 12. Idayu binti Wahed | SMK Rahmat, Kuala Sungai Baru, Melaka |
| 13. Zamree bin Abdul Wahab | SMK Seri Ampangan, Seremban, Negeri Sembilan |
| 14. Zulkifli bin Ahmad | SMK Seri Perdana, Keluang, Johor |
| 15. Rohani binti Hamzah | SMK Tinggi Melaka, Bandar Hilir, Melaka |

PENGHARGAAN

Penasihat

- | | |
|---------------------------|----------------------------|
| Dr. Mohamed bin Abu Bakar | - Timbalan Pengarah |
| Datin Dr. Ng Soo Boon | - Timbalan Pengarah (STEM) |

Penasihat Editorial

- | | |
|----------------------------------|----------------|
| Mohamed Zaki bin Abd. Ghani | - Ketua Sektor |
| Haji Naza Idris bin Saadon | - Ketua Sektor |
| Mahyudin bin Ahmad | - Ketua Sektor |
| Dr. Rusilawati binti Othman | - Ketua Sektor |
| Mohd Faudzan bin Hamzah | - Ketua Sektor |
| Fazlinah binti Said | - Ketua Sektor |
| Mohamed Salim bin Taufiq Rashidi | - Ketua Sektor |
| Haji Sofian Azmi bin Tajul Arus | - Ketua Sektor |
| Paizah binti Zakaria | - Ketua Sektor |
| Hajah Norashikin binti Hashim | - Ketua Sektor |

Penyelaras Teknikal Penerbitan dan Spesifikasi

Saripah Faridah binti Syed Khalid
Mior Syazril bin Mohamed Sapawi

Pereka Grafik

Siti Zulikha Binti Zelkepli

ISBN 978-967-420-480-8



**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia**
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E,
62604 Putrajaya.
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>